

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG**  
**KAWASAN** : **MARANG**  
**TARIKH** : **18.03.2014 (SELASA)**  
**NO. SOALAN** : **2**

Tuan Yang DiPertua,

Saya memohon izin untuk menjawab soalan **nombor 2** daripada **YB Marang** bersekali dengan soalan **nombor 16** dari **YB Klang** bertarikh **18 Mac 2014** mengenai isu di bawah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Tuan Yang DiPertua,

Rundingan di bawah TPP dibahagikan kepada 2 peringkat iaitu peringkat pegawai dan peringkat Menteri. Semenjak Mac 2010 apabila pusingan pertama rundingan dimulakan, sebanyak 19 rundingan telah diadakan di peringkat pegawai dan ketua-ketua perunding yang melibatkan 12 buah Negara. Pegawai-pegawai mengadakan rundingan berdasarkan mandat yang diberikan oleh Jemaah Menteri.

Di peringkat Menteri pula sebanyak 6 mesyuarat telah diadakan. Akhir-akhir ini Menteri sendiri telah terlibat secara langsung dalam rundingan TPP. Sehingga kini Menteri-Menteri telah terlibat dengan 2 rundingan. Rundingan pertama telah diadakan pada bulan Disember 2013 di Singapura dan pada bulan Februari 2014 juga di Singapura.

Selain itu perbincangan juga telah diadakan di peringkat Ketua Negara dan sehingga kini Ketua Negara TPP telah mengadakan perbincangan sebanyak 4 kali. Perbincangan terakhir di peringkat Ketua-Ketua Negara telah diadakan di Bali pada bulan November 2013.

Dalam mesyuarat di Singapura, Menteri-Menteri telah menghalusi beberapa perkara yang masih belum dimuktamadkan. Perkara-perkara tersebut adalah seperti berikut:-

1. Akses Pasaran
2. Perolehan Kerajaan
3. State Owned Enterprise
4. Alam Sekitar
5. Buruh
6. Hak Harta Intelek
7. Pelaburan khususnya isu-isu ISDS

Terdapat kemajuan dalam sesetengah isu yang dirundingkan, sebagai contoh dalam bab sanitari dan fitosanitari, isu berkaitan 'halal' telah mencapai kata sepakat di mana 'halal' dipersetujui oleh negara-negara TPPA untuk dikecualikan daripada skop perjanjian. Beberapa isu-isu teknikal juga dapat diselesaikan dalam bab seperti telekomunikasi dan e-commerce.

Dalam rundingan akses pasaran, masih ada isu-isu tertentu di mana jurang perbezaan pendirian antara beberapa negara adalah jauh. Rundingan akses pasaran sedang dijalankan secara dua-hala oleh negara-negara tersebut. Perkara ini adalah penting bagi kebanyakan negara.

Malaysia masih terus mengekalkan mandat yang diberi oleh Jemaah Menteri mengenai isu-isu di mana Malaysia mempunyai isu-isu yang berkepentingan dalam bab-bab pelaburan (khususnya dalam Investor State Dispute Settlement – ISDS), alam sekitar, perolehan kerajaan, syarikat hak milik kerajaan – SOE dan hak harta intelek. Pasukan perunding Malaysia sedang berunding untuk mencapai fleksibiliti yang diperlukan supaya kepentingan dan kedaulatan negara terjamin.

Malaysia akan meneruskan usaha untuk mencapai persetujuan dalam isu-isu yang tertunggak berdasarkan mandat Jemaah Menteri dan kepentingan negara. Kerajaan berpendirian bahawa pendekatan dan keputusan samada untuk menandatangani perjanjian tersebut adalah berlandaskan perkara-perkara substantif yang boleh dipersetujui oleh Malaysia dan bukan tertakluk kepada desakan negara lain atau untuk memuktamadkannya dalam satu tempoh masa.

Pada tahun 2013, Kerajaan telah mengadakan sebanyak 56 engagement dengan pihak berkepentingan dan pada tahun 2014 sebanyak 4 engagement telah diadakan mengenai TPP. Seperti Ahli-Ahli Yang berhormat sedia maklum, sebuah Caucus Parlimen yang terdiri daripada Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional dan Pembangkang telah ditubuhkan. Saya ingin menyatakan penghargaan kepada mereka telah memberi input yang berguna kepada saya dan Kerajaan dalam menentukan pendirian kita.

**NO. SOALAN: 3**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[ SETIU ]**

**TARIKH : 18 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6509**

**SOALAN:**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes rogol bawah umur khususnya yang berusia 16 tahun ke bawah seluruh negara tahun 2013 dan nyatakan langkah Kerajaan bagi membendung kes berkenaan.

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Jenayah rogol merupakan jenayah kekerasan yang sukar untuk dikesan perlakuannya, ianya boleh berlaku tanpa dirancang dan secara spontan kepada sesiapa sahaja tanpa mengira mangsanya. PDRM memandang serius ke atas kes jenayah rogol terutama yang melibatkan remaja yang berumur 16 tahun ke bawah yang mana diklasifikasikan sebagai *statutory rape* walaupun dengan atau tanpa kerelaannya yang disiasat di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan.**

**Daripada siasatan polis, mempercayai kebanyakan kes berlaku disebabkan pengaruh Internet yang boleh diakses tanpa had terutama bahan lucah, pengaruh rakan sebaya dan perasaan ingin mencuba.**

**Statistik mangsa jenayah rogol yang melibatkan remaja di bawah 16 tahun ke bawah bagi tahun 2012 adalah sebanyak 1,550 mangsa yang terdiri 1,243 Melayu ( 80%) , 73 Cina (5%) , 45 India (3%) dan 189 orang (12%) terdiri daripada lain-lain bangsa. Manakala bagi tahun 2013 pula, seramai 1,424 mangsa rogol dilaporkan iaitu sebanyak 1,147 Melayu, 62 Cina, 32 India dan 183 orang lain-lain bangsa. Statistik daripada kaum melayu lebih tinggi berbanding kaum-kaum lain disebabkan oleh laporan yang diterima daripada masyarakat melayu yang beragama islam yang tidak dapat menerima anak tidak sah taraf hasil daripada hubungan seks tanpa nikah serta perlakuan seks tanpa nikah adalah menyalahi dari segi hukum agama islam (zina).**

Walaupun angka kes telah menunjukkan penurunan untuk tahun kajian, tetapi angka tersebut masih membimbangkan kita semua memandangkan kanak-kanak yang menjadi mangsa adalah berumur di sekitar 13 sehingga 16 tahun yang meliputi hampir 90 peratus (%) daripada jumlah yang dilaporkan.

Pelbagai langkah yang diambil pihak kerajaan dan pihak polis untuk membendung jenayah rogol ini adalah seperti berikut:-

- i) **Penubuhan Bahagian D11 dalam Jabatan Siasatan Jenayah bagi menangani Penyiasatan Kes Seksual, Penderaan Kanak dan Keganasan Rumah Tangga secara lebih berkesan kerana ianya berfungsi menyiasat dan memantau kes-kes keganasan (rogol, sumbang mahram, gangguan seksual, penderaan kanak-kanak dan keganasan rumah tangga) yang melibatkan ramai kaum wanita dan kanak-kanak;**
- ii) **Perkhidmatan *One Stop Crisis Centre* (OSCC) yang disediakan di hospital khusus bagi menangani mangsa secara lebih profesional, demi menjaga maruah dan mangsa lebih selesa untuk memberi keterangan;**
- iii) **Menyediakan khidmat kaunseling dan *triage* di balai-balai polis untuk membolehkan perhatian segera kepada mangsa yang masih dalam kejutan terutama kes-kes traumatik dan segala laporan dan keterangan diberi dalam bilik khusus yang tidak terdedah kepada pendengaran orang ramai;**

- iv) Perkhidmatan merakam keterangan saksi kanak-kanak (umur saksi bawah 16 tahun) melalui rakaman video di Pusat Temuduga Kanak-Kanak PDRM (*Child Interview Centre-CIC*). Langkah ini bertujuan untuk tidak mendedahkan identiti saksi dari diganggu dan diancam oleh suspek;
- v) Perkhidmatan kaunseling dan bantuan sokongan yang bersesuaian bagi mangsa yang memerlukan di Pusat Sokongan Mangsa PDRM (*Victim Care Centre – VCC*);
- vi) Program Cegah Jenayah yang diadakan di sekolah-sekolah, IPTA/IPTS, media massa, *Women Awareness Campaign* dengan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWKM), Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Swasta; dan
- vii) Mempunyai jaringan kerjasama dengan Yayasan Pencegahan Jenayah atau '*Malaysia Crime Prevention Foundation*' (MCPF) dan berbagai agensi Kerajaan serta lain-lain NGO, ke arah memberi kesedaran dan keperihatinan masyarakat dalam mencegah dan membasmi jenayah termasuk jenayah rogol.

**Walaupun terdapat pelbagai langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dan NGO, apa yang penting bagi menangani isu ini adalah terletak kepada peranan institusi kekeluargaan itu sendiri. Di mana peranan ibu bapa begitu besar untuk mendidik anak-anak mereka menjadi insan yang kamil dan sentiasa mengawasi pergerakan anak-anak mereka.**